



**JABATAN PERTANIAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS,
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
Telefon : 06-765 9760 / 765 9767
Fax : 06-763 7882
Email : jabpertanian@ns.gov.my



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera / Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dibawah pecahan kepala 070303 – Peralatan & Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik

No. Sebutharga	:	PPNS (MEDIA TANAMAN) 02/2024 (N) - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MEDIA TANAMAN BAGI PROJEK (PEMBANGUNAN NEGERI) JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024.
Kod Bidang	:	070303 – Peralatan & Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **29.02.2024 hingga 06.03.2024** di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tkt 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban pada waktu pejabat mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang dengan bayaran RM 50.00 senaskah.
3. Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa **sijil asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, **Sijil SSM**, dan menyerahkan sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga. Wakil syarikat perlu menunjukkan surat wakil rasmi daripada syarikat yang diwakili.
4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis disebelah atas kiri sampul **nombor serta nama sebutharga** dan dimasukkan sendiri kedalam peti tawaran di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban.
5. Tarikh tutup sebut harga pada **06.03.2024 jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran harga yang lain. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga Jabatan adalah muktamad.

